

Raja Perlis tegur orang politik bantu elak cukai

[FOTO BERNAMA]

→ Tuanku Syed Sirajuddin kesal pihak guna kedudukan jejas kutipan

B4/14.6.19/23 N/A/R.S.S.S.

Oleh Dzyaul Afnan
Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Arau

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menegur tindakan segelintir pemimpin parti politik di negeri ini yang dilihat menggunakan kedudukan dalam parti membantu rakan mereka mengelak daripada membayar cukai tertentu.

Titah baginda, sebanyak RM128.9 juta sepatutnya diraih kerajaan negeri melalui penguatkuasaan cukai setiap tahun, namun berkurangan sebanyak RM26.4 juta kerana pemimpin politik meminta pengarah agensi kerajaan negeri memberi tempoh tiga hingga lima bulan penangguhan membayar cukai.

“Logiknya, jika sudah tak mampu bayar (cukai) selama beberapa bulan, pasti dia tidak akan bayar untuk bulan-bulan



Tuanku Syed Sirajuddin mengurniakan watikah pelantikan EXCO Perlis kepada ADUN Kayang, Hamizan Hassan pada Majlis Mengangkat Sumpah Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis di Balai Mengadap Istana Arau, semalam.

seterusnya jika tempoh pembayaran tunggakan dilanjutkan,” titah Raja Perlis di Balai Mengadap Bilik Hijau, Istana Arau, semalam.

Terdahulu, baginda menyampaikan watikah kepada lapan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Perlis pada Istiadat Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan EXCO bagi 2019 yang menyaksikan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN)

yang dilantik selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), kekal.

Gesa jalin kerjasama demi kebaikan ekonomi

Baginda juga menggesa kerajaan negeri menjalin kerjasama dan hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan demi kebaikan ekonomi negeri serta rakyat kerana mustahil Perlis dapat berdikari tanpa mengharap bantuan Persekutuan.

“Perlis bukan begitu kaya seperti negeri lain, kutipan cukai juga terhad dan ditambah pula Perlis ditadbir oleh BN, manakala Persekutuan oleh Pakatan Harapan (PH). Ini bukan masalah besar kerana Persekutuan pun mahu jalin hubungan baik dengan kita.

“Jika perlu ke Kuala Lumpur bertemu mana-mana menteri atau timbalan menteri, pergilah demi kepentingan negeri dan rakyat,” titah baginda.